



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim
(Ministry Of Energy, Science, Technology, Environment and
Climate Change)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor



16 Mei 2019
Notis Pemberitahuan AELB
BIL. 04/2019

KAWALAN PERLESENAN BAGI AKTIVITI PEMASANGAN RADAS PENYINARAN

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai kawalan perlesenan bagi aktiviti pemasangan radas penyinaran.

LATAR BELAKANG

2. Lesen Kelas H adalah suatu lesen yang dikeluarkan bagi mengawal aktiviti-aktiviti yang tidak diliputi oleh lesen Kelas A hingga G sepertimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 11, Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986.

3. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) sebelum ini telah mengeluarkan lesen Kelas H kepada agensi/ syarikat yang melakukan aktiviti pemasangan sendiri radas penyinaran [pengguna], melakukan pemasangan radas penyinaran di bawah aktiviti penjualan radas penyinaran [penjual] dan memberi perkhidmatan pemasangan radas penyinaran.

KEPUTUSAN DAN ARAHAN JABATAN AELB

4. Berdasarkan semakan terhadap mekanisme kawalseliaan sedia ada bagi aktiviti pemasangan radas penyinaran, AELB telah memutuskan bahawa hanya agensi/ syarikat yang memberi perkhidmatan pemasangan sahaja dikehendaki memohon lesen Kelas H. Sehubungan itu, syarikat atau pemegang lesen yang memberi perkhidmatan bagi aktiviti pemasangan radas penyinaran hendaklah memohon lesen Kelas H – Lain-lain (Agensi Perkhidmatan Pemasangan Radas Penyinaran) melalui sistem atas talian (e-Lesen).

5. Syarikat atau pemegang lesen yang memberi khidmat pemasangan radas penyinaran tidak perlu menghantar notis atau maklum balas kepada AELB dan adalah menjadi tanggungjawab penerima khidmat [pengguna] untuk memastikan radas penyinaran selamat dipasang dan ditauliah. Pemberi khidmat pemasangan radas penyinaran hendaklah mengemukakan laporan pemasangan kepada penerima khidmat bagi membolehkan pengguna mengemaskini tarikh pemilikan dan tarikh sah penyenggaraan melalui sistem atas talian (eLesen) setelah selesai pemasangan dan pengujian dijalankan oleh pemberi khidmat pemasangan radas penyinaran.

6. Selaras dengan keputusan di perkara 4, syarikat atau pemegang lesen yang melakukan sendiri pemasangan radas penyinaran atau melakukan pemasangan radas penyinaran di bawah aktiviti penjualan adalah tidak tertakluk kepada lesen Kelas H. Pemegang lesen atau syarikat berkenaan adalah tertakluk kepada lesen Kelas C yang mana berkaitan berurusan dengan radas penyinaran.

7. Bagi pemasangan yang dilakukan sendiri atau yang dilakukan oleh syarikat penjual, pemegang lesen adalah bertanggungjawab untuk memastikan radas penyinaran selamat digunakan dan hendaklah memastikan individu yang kompeten melakukan aktiviti pemasangan tersebut. Pemegang lesen hendaklah mengemaskini maklumat melalui sistem atas talian seperti di perkara 5. Pemegang lesen juga hendaklah mematuhi

syarat lesen berkaitan pemasangan, pengujian dan pentauliahan radas penyinaran yang dikeluarkan oleh AELB.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

8. Keputusan ini berkuatkuasa serta merta bagi pemegang lesen baharu. Bagi pemegang lesen Kelas H yang melakukan pemasangan sendiri radas penyinaran dan pemasangan radas penyinaran di bawah aktiviti penjualan radas penyinaran sedia ada, lesen Kelas H tersebut akan digugurkan daripada lesen sedia ada secara berperingkat apabila lesen pembaharuan dilakukan.

PENUTUP

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Batu 24, Jalan Dengkil

43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : mnr-customer@aelb.gov.my

Laman Web : www.aelb.gov.my